

02 AUG 1996

Malaysia-Austria

MALAYSIA DAN AUSTRIA PERLUAS HUBUNGAN DUA HALA

KUALA LUMPUR, 2 Ogos (Bernama) -- Malaysia dan Austria bersetuju untuk memperluaskan hubungan dua hala antara kedua-dua negara dengan meningkatkan perdagangan, pelaburan, mewujudkan usahasama dan inisiatif pasaran ketiga.

Menurut kenyataan bersama yang dikeluarkan di sini oleh kedua-dua negara di akhir lawatan rasmi empat hari Canselor Austria Franz Vranitzky, Austria menawarkan biasiswa untuk pengajian lanjutan di negaranya dalam pengurusan hutan tropika bernilai Shilling Austria 500,000 (kira-kira RM125,000).

Austria juga mempelawa para pakar Malaysia untuk mengkaji dua sistem dalam pendidikan vokasional, mengkaji penjanaan tenaga hidroelektrik di sungai-sungai dan mengkaji kepakaran Austria mengenai penggunaan air mineral dari mata air untuk terapeutik dan perubatan pencegahan am.

Pihak berkuasa kedua-dua negara akan juga mengkaji dengan aktif pelbagai memorandum berhubung projek perniagaan dua hala yang ditandatangani semasa lawatan itu.

Mengenai isu-isu antarabangsa, kedua-dua ketua kerajaan bersetuju untuk memberi sokongan kepada pelaksanaan awal keputusan-keputusan yang dicapai pada Mesyuarat Asia-Eropah (Asem) di Bangkok pada Mac tahun ini.

Kedua-dua negara akan saling berunding dalam persediaan menghadapi Asem akan datang di London pada 1998 dengan mengambil kira perakuan-perakuan oleh Kumpulan Orang-orang Terkemuka Asean-EU dan komunikasi Suruhanjaya Eropah kepada majlis mengenai perlu diwujudkan hubungan baru yang dinamik antara EU dan Asean.

Malaysia dan Austria juga bersetuju untuk bekerjasama dengan peserta lain dalam Asem berhubung pembentukan sebuah Majlis Perniagaan Asia-Eropah yang akan dianggotai wakil-wakil dari perusahaan kecil dan sederhana.

Sebelum itu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengunjungi Vranitzky di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di Subang untuk mengucapkan selamat jalan kepada pelawat itu.

Dr Mahathir, yang pulang selepas menghadiri Kongres Perubatan Singapura-Malaysia di Singapura, mengadakan perbincangan singkat dengan Canselor Austria itu.

Semasa bercakap kepada pemberita selepas pertemuan itu, Dr Mahathir berkata lawatan Vranitzky amat berguna dan berjaya meningkatkan kerjasama antara kedua-dua negara.

Perdana Menteri berkata beliau bersetuju melawat Austria dalam masa terdekat dan berharap kedua-dua negara dapat meningkatkan kerjasama dua hala.

Vranitzky berkata beliau dan delegasinya telah mengadakan perbincangan yang bermakna semasa di sini dan akan bekerjasama erat dengan Malaysia dalam forum-forum antarabangsa terutama pada perhimpunan Agung ke-51 Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu pada Oktober yang akan dipengerusikan oleh Malaysia.

-- BERNAMA.

AH AHH